

Ruj.Kami : (8.00) (01.00) 96/1-3 (16)
Tarikh : 23 Ogos 1996

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Badan-badan Berkanun Persekutuan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

PEROLEHAN KERAJAAN

Adalah saya menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa ada beberapa isu dan masalah berkaitan dengan Perolehan Kerajaan yang terdapat di Jabatan-Jabatan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan di Sabah.

2. Isu-isu dan masalah-masalah yang terdapat di Jabatan- Jabatan Persekutuan, diantaranya adalah disenaraikan seperti di bawah. Adalah diharapkan Jabatan-jabatan dapat mengatasi dan menangani isu dan masalah tersebut, iaitu:-

A. Sebelum Membuat Tawaran

- i. Perancangan kurang teliti
- ii. Tiada kajian dan ujian tanah
- iii. Peruntukan tidak mencukupi
- iv. Perolehan tanpa tender dipanggil
- v. Pembelian atau kerja dipecahkecilkan
- vi. Tawaran lewat dipanggil

B. Setelah Tawaran Dibuat

- i. Kerja lewat dimulakan
- ii. Bon pelaksana dan insurans tidak diperolehi
- iii. Deposit tender tidak dibayar
- iv. Wang pendahuluan dibayar sebelum jaminan bank dikemukakan
- v. Kontrak lewat ditandatangani
- vi. Kontrak tidak ditandatangani

C. Pelaksanaan Tender

- i. Tidak mengikut spesifikasi kontrak
- ii. Kualiti rendah
- iii. Barangan kurang dibekalkan
- iv. Kelewatan menyiapkan kerja
- v. Denda tidak dikenakan
- vi. Bon pelaksanaan tidak dirampas

- vii. Kurang penyeliaan
- viii. Tiada koordinasi
- ix. Aset kerajaan ditapak binaan tidak dikawal
- x. Pembelian membazir
- xi. Wang pendahuluan lebih dibayar
- xii. Kos sebenarnya melebihi anggaran

D. Lain-lain Perkara

- i. Permohonan perubahan kerja tidak disemak dengan teliti
- ii. Laporan kelemahan kontraktor tidak dibuat kepada Pusat khidmat Kontraktor (PKK) dan Perbendaharaan Malaysia.

3. Adalah ditegaskan bahawa proses perolehan tidaklah berakhir apabila kontrak ditandatangani, barangan diterima dan perkhidmatan dilaksanakan. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Jabatan-jabatan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan yang terlibat bagi memastikan barang-barang yang diperolehi, disimpan, diselenggara dan seterusnya dilupuskan dengan baik dan sempurna. Berkaitan dengan perkhidmatan Ketua-Ketua Jabatan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan hendaklah memastikan perkhidmatan yang diberi itu cekap dan sempurna sebagaimana dijanjikan. Disamping itu bagi kerja- kerja pembangunan atau binaan, segala-galanya hendaklah dibuat dan disempurnakan mengikut kontrak. Sehubungan dengan itu ciri-ciri pengurusan, kawalan, pengesanan dan penguatkuasaan hendaklah dipertingkatkan lagi serta mempertingkatkan 'accountability'.

4. Adalah diharapkan Jabatan-Jabatan dapat mengatasi dan menangani isu-isu dan masalah-masalah yang timbul berkaitan dengan Perolehan Kerajaan serta memperitngkatkan pengurusan, kawalan, pengesanan dan penguatkuasaan dan juga mempertingkatkan 'accountability'.

Sekian. Terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

T.T
(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah.